

Meningkatkan Pelibatan Murid Melalui Jejak Bahasa Melayu Berasaskan ICT

Mohamed Ali Mohamed Iqbal

mohamed_ali_mohamed_iqbal@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Bendemeer

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap pelibatan secara mendalam terhadap murid Darjah 4 dalam sebuah aktiviti jejak Bahasa Melayu yang berasaskan ICT. bagi memupuk suasana keseronokan belajar. Aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah yang menggalakkan penggunaan ICT ini telah dikenal pasti sebagai satu wadah alternatif yang boleh menjanjikan tahap pelibatan yang lebih positif dan memberangsangkan. Dalam aspek penelitian, keempat-empat dimensi pelibatan yakni behavioris, emosi, kognitif dan agentik akan dianalisis. Berdasarkan dapatan kajian, pelibatan emosi dan behavioris merupakan antara dimensi pelibatan yang paling menyerlah berbanding kognitif dan agentik. Selain itu, aktiviti jejak bahasa turut menjamin pemerolehan kosa kata yang efektif melalui analisis markat kuiz yang dilalui oleh murid. Secara tuntas, aktiviti jejak bahasa ini mempunyai potensi yang besar dan harus diamalkan sebagai ekologi pembelajaran yang kaya bagi setiap sekolah.

Kata Kunci: ICT, jejak bahasa, keseronokan belajar, pelibatan



PENGENALAN

Pelibatan murid boleh dideskripsikan sebagai kunci emas dalam memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hal ini disebabkan pelibatan murid itu dapat menjamin hasil pembelajaran yang positif sama ada pembelajaran itu bersifat di dalam mahupun di luar bilik darjah (Johnson dan Sinatra, 2012). Tambahan, pelibatan itu turut dikaitkan dengan pencapaian akademik jangka panjang dan pembentukan keupayaan murid yang memberangsangkan (Furrer dan Skinner, 2003). Oleh sebab hasil yang positif itu, pelibatan murid ini telah tersenarai sebagai salah satu aspek pengajaran dalam Amalan Pengajaran Singapura (STP). Walau bagaimanapun, murid itu hanya akan dianggap terlibat atau *engaged* apabila mereka kelihatan terdorong, dapat memberikan sepenuh tumpuan, bersemangat dan melibatkan diri secara aktif dalam sesuatu aktiviti pembelajaran.

Hakikatnya, pelibatan murid amat bergantung kepada PdP yang dilaluinya. Dalam erti kata lain, pendekatan dan strategi pengajaran yang berbeza-beza akan menentukan tahap pelibatan yang berbeza juga. Dalam kajian ini, jejak bahasa berasaskan ICT telah pun dikenal pasti sebagai salah satu pendekatan pengajaran yang akan dilalui murid Darjah 4. Hal ini disebabkan sudah terlalu banyak kajian terhadap pelibatan dalam bilik darjah. Tambahan, suasana pembelajaran di luar bilik darjah yang dibekalkan ICT pula pasti akan menjamin tahap pelibatan yang amat memberangsangkan (Broda, 2011). Sememangnya, suasana kondusif begini yang dapat menghasilkan keseronokan belajar seperti mana yang diajukan oleh Kementerian Pendidikan Singapura (The Straits Times, 9 Mac 2017).

PERNYATAAN MASALAH

Tahap pelibatan murid yang rendah merupakan suatu masalah yang membimbangkan. Menurut pandangan Voelkl (2012), murid yang suka menyendiri atau *disengaged*, lebih mudah terpengaruh dengan aktiviti kurang berfaedah, lantas tidak berupaya memberi fokus pada pelajaran. Maka itu, murid harus sentiasa terlibat secara aktif dalam pembelajaran agar segala ilmu pengetahuan yang diraih dapat dimanfaatkan.

Namun demikian, para guru menghadapi kesukaran untuk meraih tahap pelibatan murid yang tinggi ketika menyampaikan pengajaran di dalam bilik darjah (Bjorge et al., 2017). Hal ini disebabkan, pengajaran di bilik darjah ini bukan sahaja terkongkong secara fizikal tetapi kadang kala terikat juga dengan tekanan sukatan pelajaran, kurikulum dan peperiksaan yang bakal murid lalui pada setiap hujung tahun. Semua ini tidak dapat menyumbang kepada



suasana pembelajaran yang menarik atau keseronokan belajar. Selain itu, jumlah peratusan guru yang mengeksplotasikan ICT sebagai agen perangsang dalam pembelajaran, masih lagi kekurangan disebabkan tersekat dengan pelbagai cabaran (Lim dan Khine, 2006). Masalahnya, sasaran murid zaman ini merupakan anak jati digital. Dalam erti kata lain, kekurangan penggunaan ICT boleh mengekang pelibatan murid (Premsky, 2001). Rumusannya, tahap pelibatan murid bagi pembelajaran yang dilakukan di bilik darjah agak terhad dan ditambahkan lagi dengan masalah yang disenaraikan sebelum ini.

Oleh itu, suatu anjakan pemikiran dan tindakan harus dilakukan bagi meningkatkan tahap pelibatan murid dalam pembelajaran mereka. Antaranya, pembelajaran harus melangkaui batas bilik darjah. Guru boleh membina ruang PdP di luar lingkungan bilik darjah. Usulan begini bertepatan dengan pandangan James dan Williams (2017) bahawa pembelajaran harus dibawa ke luar bilik darjah agar dapat memupuk keseronokan belajar. Encik Ng Chee Meng, mantan Menteri Pendidikan (Sekolah) dalam ucapan beliau turut menambah,

“When I visit schools, I am always delighted to see how engaged and energised our primary school students are, when they learn not only in the classroom, but also out in the school gardens, through field trips, outdoor games.”

(Ucapan Sesi Debat MOE, 7 Mac 2017)

Jelas, Encik Ng bersetuju dengan usulan bahawa pembelajaran di luar bilik darjah akan menyumbang kepada pelibatan aktif murid dalam pembelajaran. Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim, Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Pendidikan turut berkongsi pandangan yang serupa. Beliau berpendapat bahawa langkah untuk mengalihkan tumpuan daripada gred akademik dengan mengurangkan peperiksaan akan memberi ruang kepada penekanan terhadap aspek-aspek pengalaman dalam pembelajaran yang lebih holistik di luar bilik darjah (Berita Harian, 1 Oktober 2018). Pandangan-pandangan ini dapat diterjemahkan dalam usaha untuk menyokong pembelajaran di luar bilik darjah yang tentunya akan menggalakkan pelibatan murid yang tinggi sekaligus mewujudkan keseronokan belajar.

Oleh itu, harus diwujudkan suatu landskap khas yang kaya dengan pengalaman pembelajaran luar bilik darjah di dalam kawasan sekolah. Landskap sebegini dikenali sebagai ekologi pembelajaran oleh Brown (2000). Justeru, aktiviti jejak bahasa yang berasaskan ICT merupakan suatu pilihan yang disarankan bagi mewujudkan ekologi pembelajaran kerana berpotensi



besar untuk memupuk pelibatan murid di luar bilik darjah. Penggunaan ICT di dalam aktiviti jejak bahasa ini akan turut meningkatkan lagi pelibatan murid. Pernyataan ini jelas disokong banyak kajian tempatan seperti Memymiswati Chokri dan Nur Afiqah Mokhtar Kamarudin (2018) atau Nuraishah Mahmood dan Sanisah Rahim (2016). Tambahan, dengan usaha untuk mengurangkan fokus terhadap peperiksaan, ruang dan masa dapat diagihkan dengan sewajarnya untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah seperti jejak bahasa ini. Misalnya, usaha Jabatan Matematik Sekolah Menengah Woodlands Ring dalam menjalankan jejak pembelajaran bagi pelajar Menengah 1 telah diambil sebagai contoh yang positif oleh Menteri Pendidikan, Encik Ong Ye Kung dalam Seminar Pelan Kerja baru-baru ini. Beliau menambah bahawa pelajar yang terlibat bersifat lebih bermotivasi dan terarah sendiri (*self-directed*). Juliana (Contact, 2017) turut tidak ketinggalan dalam arena ini. Beliau sendiri memanfaatkan penggunaan teknologi seperti e-jejak bahasa bagi meningkatkan tahap pelibatan murid-muridnya di sekolah. Jelas, saranan untuk mengadakan aktiviti jejak bahasa berasaskan ICT ini bagi memupuk pelibatan murid sekaligus menyumbang kepada keseronokan belajar sebagai penyelesaian bagi menambah baik tahap pelibatan murid kini merupakan suatu kajian yang harus disokong.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk:

1. mengenal pasti dimensi pelibatan murid yang menyerlah dalam sebuah aktiviti jejak Bahasa Melayu berasaskan ICT;
2. menilai tahap pelibatan murid yang berinteraksi dalam sebuah aktiviti jejak Bahasa Melayu berasaskan ICT; dan
3. menganalisis tahap pemerolehan kosa kata budaya Melayu yang diterapkan dalam sebuah aktiviti jejak Bahasa Melayu berasaskan ICT.

KAJIAN LEPAS

Memang pada awalnya, pelibatan murid telah terbahagi kepada tiga dimensi iaitu behavioris, emosi dan kognitif seperti dalam kajian Fredricks, Blumenfeld dan Paris (2004) yang bertajuk *School Engagement: Potential of the Concept, State of the Evidence*. Mereka berpendapat bahawa ketiga-tiga dimensi pelibatan ini wujud secara berasingan namun bertindan antara satu sama lain. Dimensi behavioris ini didefinisikan sebagai kemahuan murid untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran mereka sendiri. Menurut Buhs dan Ladd (2001), kemahuan tersebut dapat diperhatikan dalam bentuk usaha,



konsentrasi, tumpuan aktif seperti hubungan mata atau bahasa tubuh yang menunjukkan minat murid itu.

Dimensi emosi pula dapat dianggap sebagai reaksi beremosi murid terhadap pembelajaran mereka. Sinatra, Heddy dan Lombardi (2015) menyokong pandangan Fredricks, Blumenfeld dan Paris (2004) dalam kajian mereka, *The Challenges of Defining and Measuring Students' Engagement in Science*. Mereka menyenaraikan beberapa jenis emosi seperti minat, kebosanan, keriang, kesedihan, keghairahan ataupun perasaan gemuruh. Emosi-emosi yang disenaraikan ini merupakan reaksi permukaan yang dapat dipantau dalam sesuatu aktiviti. Namun demikian, emosi-emosi tersebut dikawal oleh empat komponen yakni minat (keseronokan aktiviti), nilai pencapaian (kepentingan melakukan terbaik untuk pemahaman sendiri), nilai yang mendatangkan manfaat (aktiviti bagi masa hadapan) dan kos (untung dan rugi yang diraih daripada hasil pelibatan berdasarkan masa dan tenaga yang telah dicurahkan). Hal ini turut disokong oleh kajian Eccles et. al. (1983).

Wehlage dan Smith (1992) mendefinisikan dimensi kognitif sebagai pelaburan psikologi iaitu seorang murid telah melabur secara psikologi apabila dia menggunakan usaha kognitif itu untuk memahami, melampaui batas keperluan aktiviti, menyelesaikan masalah dan memilih tugas-tugas yang lebih mencabar. Usaha kognitif itu dapat diteliti apabila strategi pembelajaran seperti pengulangan, peringkasan atau pengorganisasian dapat diaplikasi dalam pembelajaran seorang pelajar demi mencapai suatu tahap kognitif yang lebih tinggi. Hal inilah yang disebutkan sebagai pengawalan sendiri dalam pembelajaran dalam artikel Zimmerman (1990) yang bertajuk *Self-regulated learning and academic achievement: An Overview*. Jelas, penggunaan strategi pembelajaran yang digunakan itu haruslah berputik daripada minat murid itu sendiri dan bukan dari faktor-faktor lain seperti arahan, tekanan rakan atau paksaan.

Selain daripada ketiga-tiga dimensi pelibatan tersebut, kini hadir satu lagi dimensi pelibatan yang baharu. Dalam kajiannya yang bertajuk *How students create motivationally supportive learning environments for themselves: The concept of agentic engagement*, Reeve (2013) telah mengetengahkan dimensi agentik sebagai dimensi keempat. Beliau menerangkan bahawa dimensi behavioris, emosi dan kognitif wujud antara pelibatan murid dengan struktur suasana atau format pengajaran. Sementara itu, pelibatan agentik pula wujud antara reaksi proaktif yang diambil murid terhadap arahan. Dimensi agentik ini dikesan aktif apabila murid lebih kerap bertanya, meminta lebih banyak penerangan, menambah nilai pada arahan atau mengubah arahan bagi dirinya agar dapat melibatkan diri dengan sebaik mungkin dalam sesebuah



aktiviti. Reeve (2013) menambah walaupun ketiga-tiga dimensi asal itu tidak serupa dengan dimensi agentik, keempat-empat dimensi ini tetap berlaku dalam domain pelibatan murid yang sama.

Daripada penjelasan kajian-kajian lepas itu, perbincangan mengenai pelibatan agak terhubung kait dengan konstruk-konstruk dorongan. Misalnya, komponen-komponen minat, kemahuan ataupun usaha kognitif boleh dilihat dari sudut dorongan-dorongan yang wujud dalam diri murid untuk belajar. Rumusannya, kerangka teori yang akan mengawal arah tujuan kajian merujuk pemboleh ubah dalam dimensi agentik, behavioris, emosi dan kognitif yang berinteraksi antara pelajar dan kondisi pembelajaran ataupun arahan; bersifat objektif dan boleh diukur dalam suasana pembelajaran (Reeve, 2012).

KAEDAH KAJIAN

Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang diterapkan dalam menjalankan kajian ini memberikan penekanan pada penilaian dan maklum balas. Berikut merupakan penerangan proses pengajaran bagi Pelaksanaan Pelajaran dan Penilaian dan Maklum Balas bagi Jejak Bahasa Melayu yang berasaskan ICT.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

| Proses Pengajaran | Aspek Pengajaran | Aktiviti Mengajar |
|-----------------------|--------------------------------------|--|
| Pelaksanaan Pelajaran | AP14: Merangsang Minat | AM1: Menggunakan Cerita dan Imejan Dengan merangsang minat, murid akan lebih bersifat positif dan terbuka untuk menerima pelajaran. Penggunaan peralatan ICT dan barangan mautud dan pembelajaran di luar bilik darjah dapat membantu untuk mengukuhkan pelibatan kognitif bagi murid. |
| | AP15: Menggalakkan Pelibatan Pelajar | AM2: Teroka-Terlibat-Aplikasi Tumpuan diberikan untuk menggalakkan pelibatan murid meneroka aktiviti dan terlibat dalam aktiviti tersebut. Murid akan mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu. |

| | | |
|----------------------------|--|---|
| Penilaian dan Maklum Balas | AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas | AM1: Maklum balas dalam bentuk komen sahaja. Kuiz secara <i>online</i> memudahkan penilaian dan pengumpulan data bagi merencanakan maklum balas yang tepat bagi jumlah kelas yang besar. |
| Penerangan dan Justifikasi | Penggunaan peralatan ICT dapat merangsang minat bagi murid, lebih-lebih lagi apabila peranti iPad itu dapat diberikan kepada mereka. Murid dapat mencuba barangan fizikal itu, menyentuh dan berinteraksi dengan barangan tersebut. Tambahan, pembelajaran di luar bilik darjah sememangnya seronok kerana murid dapat keluar daripada kepompong bilik darjah. Justeru, murid lebih terlibat aktif semasa belajar. Pemahaman murid harus dipantau agar guru dapat meneliti sama ada wadah alternatif ini berkesan dari sudut pemerolehan bahasa. | |

Subjek Kajian

Responden kajian ini seramai 30 orang murid Darjah 4. Mereka melalui aktiviti Jejak Bahasa Melayu yang dijalankan pada penggal empat. Murid terdiri daripada tahap keupayaan dan latar belakang yang berbeza-beza.

Instrumen Kajian

Bagi mengumpulkan data primer, kajian menggunakan dua instrumen sahaja. Pertama, borang soal selidik murid yang terdiri daripada 20 pernyataan yang terbahagi kepada empat dimensi pelibatan. Pernyataan-pernyataan itu akan berfokus sekitar reaksi pelibatan mereka semasa menjalani aktiviti jejak bahasa yang berasaskan ICT itu. Borang ini bersifat tertutup dan berskala Likert. Oleh itu, borang tersebut bertujuan untuk mengumpul data kuantitatif. Skor borang ini akan dipuratakan mengikut kaedah statistik, iaitu dengan menggunakan taburan frekuensi dan memadankan nilai min dalam selang skala min seperti dalam Jadual 2 di bawah ini (Majid Konting, 2000).

Jadual 2: Selang Skala Min Borang Soal Selidik Murid

| Selang Skala Min | Tahap |
|------------------|---------------|
| 2.41 – 3.00 | Sangat setuju |
| 1.71 – 2.40 | Setuju |
| 1.00 – 1.70 | Tidak setuju |



Kedua, skor daripada kuiz yang dijalankan bagi setiap stesen semasa aktiviti jejak bahasa itu akan diambil sebagai data kuantitatif bagi menyokong pemerolehan aspek bahasa. Markat yang dikumpulkan bagi setiapsertaan kuiz akan dipadankan dengan suatu rubrik yang mempunyai empat kriteria. Oleh sebab terdapat 20 soalan kuiz, setiapsertaan kuiz akan dipuratakan berdasarkan markat penuh 20 dan akan ditaburkan dalam bentuk selang markat seperti di dalam Jadual 3 di bawah ini. Walau bagaimanapun, kesemua 30 murid tersebut akan dipasangkan semasa aktiviti tersebut. Justeru, hanya 15 responden yang akan terlibat dalam perbincangan data.

Jadual 3: Selang Markat Kuiz Jejak Bahasa Melayu

| Selang Markat | Band |
|---------------|-----------|
| 16 – 20 | Cemerlang |
| 11 – 15 | Baik |
| 6 – 10 | Memuaskan |
| 1 – 5 | Lemah |

Prosedur Kajian

Prosedur kajian dapat dibahagikan kepada dua yakni, prosedur persediaan dan prosedur pelaksanaan. Prosedur persediaan merujuk pada pembinaan bahan-bahan keperluan bagi pelaksanaan sebuah jejak bahasa. Oleh sebab terdapat lima stesen bagi jejak bahasa tersebut, perkakas-perkakas yang berbentuk barangan fizikal mengikut tema bagi setiap stesen disediakan. Setiap stesen juga memerlukan sebuah laman yang dimuat naik dengan sumber tambahan seperti gambar, video dan juga kuiz bagi merakam pembelajaran murid. Semua bahagian perisian dihasilkan di dalam laman *google sites* dan dapat diakses oleh murid melalui penggunaan kod QR. Prosedur pelaksanaan merujuk kepada langkah-langkah yang diambil semasa kajian lapangan dijalankan. Dalam kajian ini, murid akan melalui sebuah aktiviti jejak bahasa. Semasa menjalani aktiviti tersebut, murid akan menjawab soalan-soalan kuiz dengan menggunakan peranti iPad. Selepas aktiviti tersebut, murid akan menyelesaikan borang soal selidik bagi tujuan mengumpulkan data.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pertama, kajian akan menganalisis dimensi pelibatan yang paling menyerlah. Data yang akan dikupas merupakan data kuantitatif dalam borang soal selidik murid. Berdasarkan Rajah 1 di bawah ini, dimensi pelibatan emosi mendapat jumlah tertinggi iaitu, sebanyak 142 bagi kategori sangat setuju. Dimensi



pelibatan kedua tertinggi merupakan dimensi behavioris dengan jumlah 116 bagi kategori sangat setuju. Dimensi pelibatan kognitif pula mendapat 86 manakala dimensi pelibatan agentik mendapat 59 bagi kategori sangat setuju. Justeru, dimensi pelibatan murid yang paling menyerlah merupakan pelibatan emosi.

Rajah 1: Dimensi Pelibatan Murid



Berdasarkan dapatan tersebut, beberapa perkara dapat disimpulkan. Pertama, pembelajaran yang membuat murid berasa seronok dan tertarik untuk belajar akan menghasilkan tahap pelibatan yang lebih memberangsangkan. Kedua, penggunaan ICT dalam aktiviti jejak bahasa ini dapat menarik minat murid untuk lebih bersemangat dalam PdP bahasa Melayu di bilik darjah. Kedua-dua kesimpulan ini menyumbang kepada kepentingan menghidupkan keseronokan belajar dalam diri murid. Hal ini disebabkan keseronokan belajar yang sememangnya menjanjikan pelibatan yang tinggi akan membuahkan pencapaian yang positif dalam diri murid tersebut.

Seterusnya, perbincangan terhadap tahap pelibatan dalam diri murid akan dilaksanakan dalam bentuk taburan frekuensi. Bagi memudahkan tujuan perbincangan, beberapa item sahaja akan dipilih. Oleh sebab dimensi pelibatan emosi paling menyerlah, item-item dalam bahagian pelibatan emosi akan dibincangkan dahulu. Berdasarkan Jadual 4 dan 5, sebanyak 97% subjek kajian memilih kepuasan sangat setuju dan 3% sahaja memilih kepuasan setuju. Tambahan, tiada pula subjek kajian yang memilih kepuasan tidak setuju. Tanda kepuasan ini disahkan lagi dengan nilai min yang amat tinggi, iaitu 2.96 yang sekali gus meletakkan tahap kepuasan subjek kajian dalam kategori sangat setuju. Jelas, pelibatan emosi ini memang merupakan faktor utama yang menentukan pelibatan murid dalam proses pembelajaran, lebih-lebih lagi yang dilakukan di luar bilik darjah.



Jadual 4: Tahap Keuasan Pelibatan Emosi Pernyataan 2

| Pelibatan Emosi (I2): Saya suka dapat belajar perkara yang baharu. | Markat (Σ) | Frekuensi (X) | Jumlah Markat (ΣX) | Peratus (%) |
|--|---------------------|---------------|------------------------------|-------------|
| Saya sangat setuju | 3 | 29 | 87 | 97% |
| Saya setuju | 2 | 1 | 2 | 3% |
| Saya tidak setuju | 1 | 0 | 0 | 0% |
| Jumlah Keseluruhan | | 30 | 89 | 100% |
| Bilangan Subjek | | | 30 | |
| Min | | | 2.96 | |

Jadual 5: Tahap Keuasan Pelibatan Emosi Pernyataan 4

| Saya berasa gembira dapat belajar bahasa dan budaya dalam format (luar bilik darjah). | Markat (Σ) | Frekuensi (X) | Jumlah Markat (ΣX) | Peratus (%) |
|---|---------------------|---------------|------------------------------|-------------|
| Saya sangat setuju | 3 | 29 | 87 | 97% |
| Saya setuju | 2 | 1 | 2 | 3% |
| Saya tidak setuju | 1 | 0 | 0 | 0% |
| Jumlah Keseluruhan | | 30 | 89 | 100% |
| Bilangan Subjek | | | 30 | |
| Min | | | 2.96 | |

Jadual 6 pula meneliti tahap keuasan bagi dimensi pelibatan behavioris. Item yang dipilih ini merupakan jumlah tertinggi bagi subjek kajian iaitu, sebanyak 93.3% murid memilih keuasan sangat setuju dan hanya 3.3% orang murid memilih keuasan setuju. Terdapat hanya seorang murid yang memilih keuasan tidak setuju. Namun demikian, data ini tidak menjejaskan dapatan yang memberangsangkan ini kerana nilai min yang dipuratakan juga amat tinggi, iaitu 2.90. Hal ini turut meletakkan tahap keuasan subjek kajian dalam skala sangat setuju. Jelas, aspek behavioris dalam diri murid turut memainkan peranan penting dalam penentuan pelibatannya dalam pembelajaran. Namun demikian, pelibatan ini amat bergantung pada kemahuan murid itu untuk melibatkan diri. Kemahuan pula berkait rapat dengan tahap minat yang tinggi dan tahap kebosanan yang rendah, iaitu dimensi emosi.

Jadual 6: Tahap Kepuasan Pelibatan Behavioris Pernyataan 1

| Saya melibatkan diri secara aktif di setiap stesen (jejak bahasa). | Markat (Σ) | Frekuensi (X) | Jumlah Markat (ΣX) | Peratus (%) |
|--|---------------------|---------------|------------------------------|-------------|
| Saya sangat setuju | 3 | 28 | 84 | 93.3% |
| Saya setuju | 2 | 1 | 2 | 3.3% |
| Saya tidak setuju | 1 | 1 | 1 | 3.3% |
| Jumlah Keseluruhan | | 30 | 87 | 100% |
| Bilangan Subjek | | | 30 | |
| Min | | | 2.90 | |

Oleh sebab dimensi pelibatan kognitif dan agentik merupakan dimensi yang kurang menyerlah, item-item yang lemah atau yang terletak pada skala setuju dan tidak setuju akan dikupas. Perbincangan dilakukan sedemikian agar kajian dapat meneliti sebab yang menjadi punca bagi kekurangan kepuasan dalam dimensi pelibatan kognitif dan agentik.

Jadual 7: Tahap Kepuasan Pelibatan Kognitif Pernyataan 3

| Saya membuat contoh sendiri agar dapat membantu pemahaman saya bagi barangan yang terdapat di setiap stesen. | Markat (Σ) | Frekuensi (X) | Jumlah Markat (ΣX) | Peratus (%) |
|--|---------------------|---------------|------------------------------|-------------|
| Saya sangat setuju | 3 | 14 | 42 | 47% |
| Saya setuju | 2 | 14 | 28 | 47% |
| Saya tidak setuju | 1 | 2 | 2 | 6% |
| Jumlah Keseluruhan | | 30 | 72 | 100% |
| Bilangan Subjek | | | 30 | |
| Min | | | 2.40 | |

Berdasarkan Jadual 7, hanya 47% subjek kajian memilih kepuasan sangat setuju dan setuju. Hal ini bermaksud subjek kajian berbelah bagi dan tidak sebulat suara dalam aspek membuat contoh sendiri yang dapat membantu pemahaman mereka. Tambahan, sebanyak 6% memilih kepuasan tidak setuju. Kekurangan ini mungkin disebabkan ruang masa yang singkat bagi murid membuat contoh sendiri ataupun pengalaman yang kurang untuk dikaitkan dengan pembelajaran baharu. Walau bagaimanapun, nilai min 2.40 tetap meletakkan kepuasan subjek kajian dalam skala setuju. Justeru, pelibatan kognitif walau bagaimana lemah, masih juga turut mempunyai hasil yang memuaskan dalam kajian tersebut.



Namun demikian, bagi dimensi agentik pula berbeza sedikit. Item lemah bagi dimensi agentik telah meletakkan kepuasan subjek kajian dalam skala tidak setuju dengan pencapaian min sebanyak 1.57 seperti dalam Jadual 8 di bawah ini. Berdasarkan jadual tersebut, jumlah peratusan tertinggi iaitu, 47% diwakili subjek kajian yang memilih kepuasan setuju sahaja. Hal ini ditambah dengan jumlah 33% bagi kepuasan tidak setuju. Oleh itu, jumlah kepuasan sangat setuju amat kecil. Seperti diketahui, pelibatan agentik merangkumi langkah proaktif yang diambil murid terhadap arahan dalam aktiviti tersebut. Jelas, kajian mendapati bahawa murid yang terlibat dalam aktiviti jejak bahasa ini kurang mengambil langkah proaktif. Dalam erti kata lain, mereka bersifat pasif untuk lebih melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Mereka hanya menerima sahaja arahan tanpa menyoal atau meminta penjelasan yang lebih mendalam. Hal ini turut boleh diteliti dari sudut pandangan bahawa murid kurang berfikir kritikal atau kurang memiliki sifat ingin tahu. Namun demikian, kemungkinan kelemahan ini berkaitan dengan demografi murid yang sudah disifatkan sebagai faktor di luar kawalan. Intipati daripada dapatan ini merupakan sifat ingin tahu dan daya pemikiran kritikal amat penting bagi memupuk pelibatan agentik yang lebih tinggi. Oleh itu, tindakan harus diambil bagi membaiki kekurangan tersebut.

Jadual 8: Tahap Kepuasan Pelibatan Agentik Pernyataan 4


| Saya cuba sesuaikan pembelajaran saya agar dapat belajar sebaik mungkin. | Markat (Σ) | Frekuensi (X) | Jumlah Markat (ΣX) | Peratus (%) |
|--|---------------------|---------------|------------------------------|-------------|
| Saya sangat setuju | 3 | 6 | 9 | 20% |
| Saya setuju | 2 | 14 | 28 | 47% |
| Saya tidak setuju | 1 | 10 | 10 | 33% |
| Jumlah Keseluruhan | | 30 | 47 | 100% |
| Bilangan Subjek | | | 30 | |
| Min | | | 1.57 | |

Rumusannya, keempat-empat dimensi pelibatan saling berkait antara satu sama lain. Daripada perbincangan dapatan ini, jelas tahap pelibatan yang paling berinteraksi dan memainkan peranan dalam menentukan pelibatan merupakan dimensi emosi dan behavioris. Dimensi pelibatan yang lemah dan tidak berinteraksi dengan berkesan merupakan dimensi kognitif dan agentik. Secara keseluruhan, sebuah tahap pelibatan murid yang dianggap optimum berlaku apabila keempat-empat dimensi pelibatan ini berinteraksi dengan aktif. Sekiranya salah satu dimensi pelibatan tidak berinteraksi dengan berkesan, pelibatan murid itu tidak boleh dianggap seratus peratus. Hal ini bermaksud masih ada ruang yang boleh dibaiki agar menyempurnakan keempat-empat

dimensi pelibatan tersebut. Walau bagaimanapun, pencapaian nilai min yang tinggi-tinggi bagi emosi, behavioris dan kognitif sudah memadai juga. Seperti yang dinyatakan pada awalnya, terdapat faktor-faktor luaran yang menyumbang kepada kekurangan dalam dimensi agentik. Justeru, perbincangan dapatan ini berjaya memenuhi kehendak bagi objektif kedua.

Kini, persoalannya berlegar sama ada murid meraih pengetahuan sambil mampu mencapai skor yang cemerlang dalam aktiviti jejak bahasa tersebut. Berdasarkan input jawapan dalam kuiz yang disediakan dalam jejak bahasa tersebut, markat mereka telah dipuratakan dan dapat dipaparkan dalam Rajah 2 di bawah ini.

Rajah 2: Markat Kuiz Jejak Bahasa



Jelas, seramai 11 responden berjaya mencapai band cemerlang dan sebanyak 4 responden bertapak pada band baik. Tambahan, para responden yang berada pada band baik iaitu, F, G, K dan L sebenarnya mencapai band baik tinggi dengan markat paling rendah 14 sahaja. Tiada responden yang mencapai band memuaskan atau lemah. Justeru, kajian tersebut mendapati bahawa murid tersebut berjaya memperoleh kosa kata yang digunakan dalam aktiviti jejak bahasa berasaskan ICT tersebut. Lantas, hal ini mengesahkan pencapaian objektif kajian yang ketiga.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, pelibatan ini merupakan sesuatu yang amat didahagakan disebabkan impak positifnya terhadap murid. Pelibatan bukan sahaja dapat



menyumbang kepada pembelajaran yang berkesan malahan dapat mewujudkan suasana keseronokan belajar terutama apabila aktiviti pembelajaran dijalankan di luar bilik darjah. Walau bagaimanapun, tidak semua dimensi pelibatan ini beroperasi secara seratus peratus pada setiap masa. Kekuatan salah satu atau dua dimensi pelibatan sudah mencukupi untuk mengukuhkan pelibatan murid seperti mana yang diteliti dalam kajian ini. Perkara yang paling penting adalah untuk meneliti kelemahan-kelemahan itu dan mencari penyelesaian agar dapat mempertingkatkan pelibatan murid. Dengan itu sahaja, barulah mereka dapat menikmati suasana keseronokan belajar yang sempurna.

RUJUKAN

- Bjorge et.al. (2017). *The behavioral effects of learning outdoors*. Dipetik daripada Sophia, the St. Catherine University repository website: <https://sophia.stkate.edu/maed/232>
- Broda, H. W. (2011). *Moving the classroom outdoors: Schoolyard-enhanced learning in action*. Portland, ME: Stenhouse.
- Brown, J. S. (2000). Growing up digital: How the Web changes work, education, and the ways people learn. *Change*, March/April, 10–20.
- Buhs, E. S., & Ladd, G. W. (2001). Peer rejection as an antecedent of young children's school adjustment: An examination of mediating process. *Developmental Psychology*, 37, 550-560.
- Eccles (Parsons), J. S., et al. (1983). Expectations, values and academic behaviors. Dalam J. T. Spence (Ed.), *Achievement and achievement motivation* (ms. 75-146). San Francisco: W. H. Freeman.
- Fredricks, J.A., Blumenfeld, P. C., Alison H. (2004). School Engagement: Potential of the Concept, State of the Evidence. *Review of Educational Research*, 74(1), 59-109
- Furrer, C., & Skinner, E. (2003). Sense of relatedness as a factor in children's academic engagement and performance. *Journal of Educational Psychology*, 95(1), 148–162.
- Gale M. Sinatra, Benjamin C. Heddy & Doug Lombardi. (2015). The Challenges of Defining and Measuring Student Engagement in Science, *Educational Psychologist*, 50(1), 1-13.

- James, J. K., & Williams, T. (2017). School-based experiential outdoor education. *Journal of Experiential Education*, 40(1), 58-71.
- Johnson, M., dan Sinatra, G. M. (2012). Use of task-value instructional inductions for facilitating engagement and conceptual change. *Contemporary Educational Psychology*, 30, 51-63.
- Lim, C.P. & Khine, M.S. (2006). Managing teachers' barriers to ICT integration in Singapore schools. *Journal of Technology and Teacher Education* 14(1), 1-40.
- Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Memymiswati Chokri dan Nur Afiqah Mokhtar Kamarudin. (2018). *Penggunaan Nearpod Untuk Meningkatkan Minat dan Pelibatan Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa*. Seminar Bahasa Melayu.
- Nuraishah Mahmood dan Sanisah Rahim. (2016). *Meningkatkan Penglibatan Murid Melalui Penggunaan iPad*. Seminar Bahasa Melayu 2016. MLCS, Bishan Singapura.
- Prensky, M. (2001). Digital natives, digital immigrants. *On the Horizon*, 9(5), 1-6.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Reeve, J. (2013). How students create motivationally supportive learning environments for themselves: The concept of agentic engagement. *Journal of Educational Psychology*, 105 (3), 579-595.
- Ucapan Ng Chee Meng, Menteri Pendidikan (Sekolah) di Ucapan Sesi Debat MOE pada 7hb Mac 2017. Dipetik daripada <https://www.moe.gov.sg/news/speeches/moe-fy-2017-committee-of-supply-debate-speech-by-minister-of-education-schools-ng-chee-meng> pada 30 Oktober 2018.



Ucapan Ong Ye Kung, Menteri Pendidikan Singapura di Seminar Rancangan Kerja 2018 pada 28 September 2018. Dipetik daripada <https://www.moe.gov.sg/news/speeches/opening-address-by-mr-ong-ye-kung--minister-for-education--at-the-schools-work-plan-seminar> pada 30 Oktober 2018.

Voelkl, K. E. (2012). School identification. In S. L. Christenson, A. L. Reschly, & C. Wylie (Eds.), *Handbook of research on student engagement* (ms. 193–218). New York, NY: Springer.

Wehlage, G. G., & Smith, G. A. (1992). Building new programs for students at risk. In F. Newmann (Ed.), *Student engagement and achievement in American secondary schools*. New York: Teachers College Press.

Zimmerman, B. J. (1990). Self-regulated learning and academic achievement: An overview. *Educational Psychologist*, (21), 3-17.

